

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF  
RAWA [PARIT BUNTAR]**

**TARIKH : 7 DISEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF RAWA [PARIT BUNTAR]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sikap Malaysia terhadap penubuhan AUKUS dan kesannya terhadap rantau di sebelah sini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Parit Buntar atas pertanyaan yang dikemukakan berhubung kerjasama keselamatan tiga hala antara Australia, United Kingdom dan Amerika Syarikat, yang dikenali sebagai AUKUS.

2. Kerajaan sentiasa peka terhadap isu-isu yang melibatkan keselamatan, keamanan dan kestabilan rantau ini. Pendirian Kerajaan mengenai penubuhan AUKUS adalah jelas dan konsisten sehingga kini, berdasarkan kenyataan media oleh YAB Perdana Menteri pada 18 September 2021 berhubung isu ini.

3. Selain bimbang AUKUS boleh memangkin persaingan kuasa dan senjata di rantau ini, Kerajaan juga gusar sekiranya penubuhan AUKUS memprovokasi kuasa-kuasa besar yang lain untuk bertindak lebih agresif, terutamanya di Laut Cina Selatan. Sekiranya ini berlaku, negara-negara

di rantau ini, termasuk Malaysia, akan berada dalam situasi yang rumit, dan usaha mengekalkan Laut China Selatan sebagai laluan perdagangan dan perairan yang aman akan menjadi sukar.

4. Justeru itu, Kerajaan sentiasa menyeru semua pihak di peringkat dua hala, serantau dan pelbagai hala untuk bekerjasama dalam mempertahankan Asia Tenggara sebagai rantau yang aman, stabil serta berkembang dan makmur. Ini selaras dengan prinsip yang digariskan di bawah *ASEAN Outlook on the Indo-Pacific*, Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN), Perjanjian Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara (SEANWFZ) dan Triti Persahabatan dan Kerjasama di Asia Tenggara (TAC). Dokumen-dokumen ini menggariskan tatacara menjalinkan hubungan di rantau Asia Tenggara dalam usaha untuk memastikan rantau ini kekal berkecuali, selamat, stabil dan aman.

5. Negara-negara luar juga perlu menghormati dan mematuhi pendirian dan pendekatan sedia ada Malaysia berhubung operasi kapal selam berkuasa nuklear dalam perairan negara kita. Ini termasuk peraturan-peraturan di bawah Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu berkaitan Undang-Undang Laut 1982 (UNCLOS), ZOPFAN, SEANWFZ dan TAC.

6. Dalam hal yang melibatkan isu kedaulatan negara serta keselamatan dan keamanan di rantau ASEAN, termasuk di kawasan perairan negara, Kerajaan tidak akan berkompromi dan akan terus komited untuk memastikan ianya sentiasa dilindungi.

7. Malaysia terus menyeru semua pihak untuk mengelakkan tindakan yang boleh menimbulkan ketegangan dan bersifat provokatif, mengamalkan dengan izin, *self-restraint*, dan mengelakkan tindakan berkaitan ketenteraan, atau dengan izin, *militarisation*. Pendirian ini juga telah disuarakan dengan konsisten di platform-platform serantau dan antarabangsa.

8. Saya telah mengulangi pendirian Malaysia berhubung AUKUS seperti yang dinyatakan tadi melalui beberapa sesi perbincangan dengan negara-negara AUKUS, termasuk semasa sesi sidang video antara saya

dengan Ketua-Ketua Perwakilan tiga negara tersebut pada 22 September 2021 dan sesi perbincangan dengan Vice Admiral David Johnston, Utusan Khas Australia berhubung AUKUS pada 5 Oktober 2021.

9. Di peringkat ASEAN, termasuk dalam penglibatan dengan Rakan-rakan Dialog ASEAN, Kerajaan akan terus mendokong prinsip Kepaksian ASEAN atau '*ASEAN Centrality*' dan mengetengahkan pandangan dan pendirian berprinsip Malaysia, terutamanya dalam usaha Malaysia menangani perkembangan isu politik-keselamatan semasa, termasuklah yang berkaitan dengan kerjasama AUKUS.

Tuan Yang di-Pertua,

10. Malaysia sentiasa memegang kukuh dasar luar negeri yang bebas, berprinsip dan pragmatik serta bertunjangkan nilai-nilai keamanan, kemanusiaan, keadilan dan kesaksamaan.

11. Selain itu, dasar luar negeri Malaysia turut menjunjung prinsip-prinsip berkecuali, menghormati kemerdekaan, kedaulatan, keutuhan wilayah serta sikap tidak campur tangan di dalam urusan domestik negara lain. Pematuhan ke atas prinsip-prinsip ini adalah sangat penting bagi membolehkan Malaysia dilihat sebagai sebuah negara yang mempunyai kredibiliti dan boleh dipercayai di mana imej sedemikian adalah penting bagi melindungi dan mempromosi kepentingan negara.

12. Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, ini bukanlah kali pertama negara perlu mengharungi pertembungan antara kuasa-kuasa besar. Sepanjang tempoh Perang Dingin atau dengan izin "*Cold War*", Malaysia telah berjaya mengekalkan statusnya sebagai sebuah negara yang berkecuali di kala berlakunya pertembungan di antara Blok Barat yang diketuai Amerika Syarikat dan Blok Timur yang diketuai Kesatuan Soviet. Begitu juga tatkala persaingan antara Amerika Syarikat dan China berlaku, Malaysia kekal dengan pendirian tidak berpihaknya dan menjadikan kepentingan negara sebagai tunjang utama di dalam mengendalikan dasar luarnya, selaras dengan prinsip asas Pergerakan Negara-Negara Berkecuali, atau *Non-Aligned Movement* (NAM) yang Malaysia telah anggotai sejak 1970. Pendekatan ini diyakini akan terus

relevan diguna pakai sebagai kerangka keselamatan di rantau Asia Tenggara dan juga di peringkat global.

13. Justeru, saya ingin menyatakan komitmen Kerajaan untuk terus mengekalkan dasar dan kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara berkecuali yang tidak akan menyebelahi mana-mana kuasa besar, seperti mana yang telah diamal dan dipraktikkan selama ini.

14. Dalam masa yang sama, adalah menjadi prinsip Kerajaan Malaysia untuk sentiasa mengekalkan hubungan dua hala yang baik dengan semua negara tanpa mengambil kira ideologi atau sistem pentadbiran mereka. Kuasa-kuasa besar dunia, khususnya Amerika Syarikat dan China, adalah rakan kongsi penting Malaysia, bukan sahaja dari segi ekonomi, tetapi juga dalam pelbagai bidang kerjasama lain termasuk pendidikan, pelancongan dan keselamatan. Oleh itu, pendirian dan pendekatan Malaysia untuk mengekalkan hubungan yang erat dengan kedua-dua negara merupakan suatu yang realistik dan pragmatik serta berteraskan prinsip-prinsip dasar luar kita selama ini.

15. Malaysia sentiasa mengambil inisiatif untuk mengimbangkan hubungannya dengan kuasa-kuasa besar melalui dialog bagi membincang serta menyelesaikan isu-isu berkepentingan bersama. Kementerian Luar Negeri akan memastikan bahawa komunikasi dengan kuasa-kuasa besar ini akan sentiasa terbuka dan berterusan. Kerajaan juga akan terus memastikan bahawa hak-hak negara berlandaskan undang-undang negara dan antarabangsa dihormati, dan Kerajaan Malaysia berupaya melindungi kepentingan negara tanpa melibatkan campur tangan kuasa asing.

Sekian, terima kasih.